

Pasar berusia hampir 50 tahun itu berada dalam keadaan usang

Peniaga tunggu Pasar Datuk Keramat dibangun semula

KUALA LUMPUR



Kemelut pembangunan semula infrastruktur Pasar

Datuk Keramat di sini yang berusia hampir 50 tahun diharap menemui jalan penyelesaian selepas tersenarai sebagai antara tapak berpotensi yang dikenal pasti untuk dibangunkan menerusi pelaksanaan pembaharuan semula bandar.

Tinjauan *Bernama* di pasar yang dibangunkan di tapak bekas lombong dan dirasmikan pada 1977 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn mendapati, premis berkenaan kini berada dalam keadaan usang dan daif.


Bagaimanapun, banyak premis yang masih beroperasi, antaranya kedai menjual barangan basah seperti ayam dan daging, barangan keperluan dapur dan tukang jahit, selain turut

menjadi pusat tumpuan penduduk sekitar.

Antara peniaga terawal di pasar itu, Shuhaili Abdul Shukor, 62, berkata, kerja membangunkan semula Pasar Datuk Keramat hendaklah dilaksanakan dengan penglibatan Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP) Cawangan Datuk Keramat untuk mengekalkan reka bentuk dan ciri warisan tradisionalnya.

Dia yang mula menjual daging sejak pembukaan pasar itu bersama ibu bapanya berkata, rata-rata peniaga bersetuju dengan kerja menaik taraf untuk keselesaan dan keselamatan pengunjung, namun khawatir diarah berpindah ke lokasi tidak bersesuaian.

"Para peniaga telah dimaklumkan mengenai pem-



Pasar Datuk Keramat merupakan salah sebuah pasar tertua dan satu ketika dulu begitu popular di ibu negara. - Gambar Bernama

bangunan semula pasar ini dan difahamkan ada tindakan pada awal tahun ini.

"Sementara kerja pembangunan itu dilaksanakan, peniaga-peniaga di sini melibatkan lebih 300 perniagaan akan

dipindahkan sementara ke kawasan berdekatan," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga santan yang mahu dikenali sebagai Tengku Ghazali, 63, berkata, mereka bersyukur kerana kerajaan akhirnya akan me-

realisasikan usaha memperbaiki infrastruktur Pasar Datuk Keramat yang memerlukan kos tinggi.

"Kalau boleh kami harap mereka melakukan pengubahsuaian sedikit dengan mengekalkan ciri warisan asal pasar ini.

"Daripada pimpinan kerajaan dahulu, kami dengar janji untuk menaik taraf pasar ini tetapi akhirnya kini kita nampak usaha untuk benar-benar melaksanakan perkara itu," katanya yang mula berniaga di Pasar Datuk Keramat sejak 1978.

Pada 26 Julai tahun lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan telah melawat pasar berkenaan dan mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan semula pasar terbabit yang disifatkan sebagai sangat daif.